

Hanya tukar portfolio, tak lantik menteri baharu



"Tiada rombakan Kabinet, belum lagilah, kalau ada saya akan beritahu, tiada menteri baharu. Saya cakap dalam Kabinet mungkin ada tukar sikit portfolio...itu pun belum ada, bila (pertukaran portfolio) saya akan beritahu."

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*



Dr Mahathir
tolak spekulasi
Mustapa
Mohamed
dilantik anggota
Kabinet

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tiada menteri baharu akan dilantik dalam Kabinet, sebaliknya mungkin berlaku pertukaran kecil portfolio menteri.

Perdana Menteri berkata, be-

liau ada menyatakan dalam mesyuarat Kabinet mengenai cadangan melakukan sedikit pertukaran portfolio, namun belum memutuskan bila dilaksanakannya.

Menafikan laporan akan berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat, Dr Mahathir juga menolak spekulasi Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed akan dibawa masuk sebagai anggota Kabinet.

"Tiada rombakan Kabinet, belum lagilah, kalau ada saya akan beritahu, tiada menteri baharu.

"Saya cakap dalam Kabinet mungkin ada tukar sikit portfolio...itu pun belum ada, bila (pertukaran portfolio) saya akan beritahu," katanya kepada media selepas Majlis Perjumpaan Pegawai Kerajaan Bersama Perdana Men-

teri, di sini semalam.

Perdana Menteri juga enggan mengulas apabila ditanya menteri yang mungkin terabit dalam pertukaran portfolio, sebaliknya memberitahu ia akan diumumkan apabila tiba masa.

Beliau juga memberitahu, tiada permintaan daripada mana-mana menteri untuk bertukar portfolio.

Ditanya sama ada beliau puas hati dengan prestasi anggota Kabinetnya selepas lebih setahun Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan, Dr Mahathir berkata, mereka kini lebih berpengalaman serta berkemampuan.

"Saya rasa mereka mempunyai pengalaman lebih dari setahun dan mereka kini lebih berkeupayaan berbanding semasa mula dahulu," katanya.

Desas-desus mengenai akan berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat bertiup kencang berikutan pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin PH yang mula-mula terabit dalam pembentukan Kabinet pada Mei 2018, kelmarin.

Menguatkan lagi berita rombakan Kabinet itu pengesahan PKR mengenai ketidakhadiran Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pertemuan dengan Perdana Menteri, semalam sebaliknya PKR diwakili Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

PKR dalam satu kenyataan menjelaskan, jempunan Perdana Menteri diberi kepada pimpinan PH yang terabit dalam pembentukan Kabinet pada Mei 2018, dan ia bertujuan mendapatkan pandangan dan maklum balas me-

ngenai hal ehwal perjalanan kerajaan yang menyentuh perkara portfolio dan kementerian.

Kenyataan itu dikeluarkan bagi menjawab tuduhan pemimpin PH, Datuk Khairuddin Abu Hassan dalam laman Facebook beliau bahawa Anwar sengaja tidak hadir mesyuarat bersama Perdana Menteri, petang kelmarin.

Dr Mahathir sebelum ini beberapa kali menafikan khabar angin akan berlaku rombakan Kabinet, termasuk kali terakhir Julai lalu susulan penularan sekeping gambar beliau bersama-sama dengan barisan Jemaah Menteri.

Perdana Menteri sebaliknya berkata, gambar itu diambil memandangkan semua menteri Kabinet hadir dalam mesyuarat berkenaan.